



Kerepek belinjaw dipelbagaikan rasanya. Ada rasa pedas, manis dan masin.	Buah, daun dan pucuknya dapat menjadi sumber pendapatan kepada petani.
Pokok belinjaw banyak kegunaan kepada manusia.	Pucuknya boleh dibuat sayur. Rasa buahnya lemak manis dan menambahkan keenakan dalam makanan.
Sesuai dijadikan bahan untuk membuat papan.	Pokok belinjaw boleh dikomersialkan, terutamanya buah belinjaw kerana amat digemari oleh semua golongan.
Batang pokok belinjaw keras.	Buah belinjaw biasanya dijadikan kerepek belinjaw.
Pucuk dan buahnya juga sumber pendapatan.	Pokok belinjaw ialah pokok serbaguna.

Aktiviti 2

Baca dan lengkapkan idea utama dan idea sampingan berdasarkan teks.

Buah Belinjaw


Pokok belinjaw banyak kegunaan kepada manusia. Buah, daun dan pucuknya dapat menjadi sumber pendapatan kepada petani.

Buah belinjaw biasanya dijadikan kerepek belinjaw. Kini, kerepek belinjaw dipelbagaikan rasanya. Ada rasa pedas, manis dan masin. Kepelbagaian produk belinjaw ini mendapat sambutan ramai. Hal ini dapat meningkatkan pendapatan pengusaha kerepek belinjaw.

Selain itu, pucuk dan buahnya juga sumber pendapatan. Pucuknya boleh dibuat sayur. Rasa buahnya lemak manis dan menambahkan keenakan dalam makanan.

Seterusnya, batang pokok belinjaw keras dan sesuai dijadikan bahan untuk membuat papan. Hal ini akan meningkatkan pendapatan petani.

Kesimpulannya, pokok belinjaw ialah pokok serba guna. Pokok belinjaw boleh dikomersialkan, terutamanya buah belinjaw, kerana amat digemari oleh semua golongan.

Perenggan	Idea Utama	Idea Sampingan
1		
2		
3		
4		
5		